

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN VIDEO DEKLAMASI PUISI

BUKU KUMPULAN PUISI

MERENTAS GEMPITA: PANDEMIK 2020

02/11/2020, 3.00 PETANG

BILIK MESYUARAT UTAMA CANSELORI

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Bismillahi Rahmani Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam
Sejahtera,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkiflie Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Profesor Dr. Ghazali bin Omar

Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan
Inovasi)

Yang Berusaha Encik Mohd Isa Mohd Dom
Ketua Pegawai Maklumat

Yang Berusaha Ts Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad
Pengarah Penerbit Universiti

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati
sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita berkumpul dan bertemu pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Deklamasi Puisi Buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 hasil karya pemuisi terkenal di Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dr. Lim Swee Tin.

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Pertandingan Video Deklamasi Puisi Buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 diadakan bersempena dengan pelancaran buku tersebut pada 7 Julai 2020 yang lalu, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada warga UTeM dan masyarakat mengenai bahayanya penularan wabak yang melanda seluruh dunia ini.

3. Menerusi platform pertandingan ini, orang ramai dapat menghayati isi kandungan yang disampaikan oleh penulis tersohor ini melalui puisi-puisi indah yang mempunyai seribu satu maksud tersurat lagi tersirat seperti yang digarap dalam buku tersebut.
4. Alhamdulillah sebanyak 23 penyertaan telah diterima dari seluruh negeri di Malaysia. Daripada jumlah ini, peserta dari kalangan Gen Y mendominasi sebanyak 14 penyertaan, manakala Gen X sebanyak 7 penyertaan dan Gen Z sebanyak 2 penyertaan.

5. Ternyata, semua para peserta memberikan persaingan sengit yang pastinya memberi kesukaran kepada para juri untuk memilih kalangan peserta yang betul-betul layak untuk dinobatkan sebagai pemenang.
6. Walau apapun keputusan yang diterima, tahniah diucapkan kepada semua para peserta dan bakal pemenang yang bakal diumumkan sebentar lagi. Kepada mereka yang kurang bernasib baik, janganlah berputus asa kerana anda telah cuba memberikan yang terbaik.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Penerbitan buku puisi ini merupakan salah satu sumbangan universiti dalam merencanakan lagi aktiviti penyemarakan ilmu kepada warga Universiti dan masyarakat, selain menjadi tanda penghargaan dan terima kasih kepada barisan *frontliners* yang penat berjuang melawan COVID-19.
8. Sebagai makluman hadirin sekalian, buku ini juga telah berjaya dinobatkan sebagai “Longest Pandemic Covid 19 Poem” oleh The Malaysia Book of Record.

9. Kami amat berbesar hati kerana penulis tersohor negara iaitu Profesor Dr. Lim Swee Tin sudi menerbitkan buku ini bersama pihak Penerbit Universiti. Karya-karya beliau amat dikagumi oleh peminat seni tanah air dan penerbitan buku ini merupakan sesuatu yang amat kami hargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Negara kita kini sedang mengharungi gelombang ketiga penularan COVID-19, dan berdasarkan laporan harian, statistik kes jangkitan baharu COVID-19 di negara kita semakin meningkat hingga mencecah ribuan kes sehari.
11. Oleh yang demikian, saya ingin berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian untuk sentiasa patuh kepada SOP dan arahan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Universiti dan Kerajaan.

12. Sentiasalah amalkan cara hidup sihat, penjarakan fizikal, dan tingkatkan amalan 3W dan jauhi 3S dan 3C. Semoga virus utama yang mengancam kehidupan kita ini dapat di kawal dengan sebaik-baiknya dan segera berakhir supaya kita dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya berharap agar usaha murni UTeM dengan menerbitkan buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 dan penganjuran Pertandingan Video Deklamasi Puisi ini menjadi pembangkit semangat buat kita semua untuk untuk terus aktif dalam menyemarakkan lagi bidang penulisan dan penerbitan karya kreatif di Universiti ini.

14. Akhir kata, semoga buku kumpulan puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 ini akan menjadi salah sebuah buku yang bermanfaat kepada kita semua dan dijadikan sumber rujukan utama bagi mendapatkan input yang meluas berkaitan pandemik COVID-19.

15. Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Cegah Pandemik tanpa mengalah,
Barisan hadapan bersemangat membara;
Pemenang bertuah bakat terserlah,
Seni Puisi UTeM terpelihara.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh